

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG TAWARAN DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT: -

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:

Pengerusi
Jawatankuasa Sebutarga, Jabatan Perhutanan
Tingkat Bawah, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Hari Isnin - Khamis
8.30 pagi - 11.30 pagi
1.30 petang - 2.30 petang

Hari Sabtu
8.30 pagi - 10.00 pagi

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 17 April 2025

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah;
6. Tawaran ini adalah dikhususkan untuk Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen tertentu di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja;



7. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat** yang akan diadakan pada:

Tawaran: JPH/MYCE2025/SH2541/2024-2025 PENYEDIAAN TAPAK BAGI SCIENTIFIC EXPEDITION ON FOREST TO REEF MID YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION (MYCE) 2025 DI TAMAN REKREASI HUTAN PULAU SELIRONG

Pada: 14 April 2025

Jam: 9.00pagi

Tempat: Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong

8. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;

9. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (CoTC)** dan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, *Business License* bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam tawaran ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, Sijil-Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan;

10. Tawaran yang akan diiklankan adalah tertakluk kepada keterangan di bawah:

Tawaran: JPH/MYCE2025/SH2541/2024-2025 PENYEDIAAN TAPAK BAGI SCIENTIFIC EXPEDITION ON FOREST TO REEF MID YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION (MYCE) 2025 DI TAMAN REKREASI HUTAN PULAU SELIRONG

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan didalam KA01 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Am

BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT (jika belum berdaftar): \$10.00
BORANG TAWARAN: \$5.00

-TIDAK DIKEMBALIKAN-

11. Tarikh **terakhir** untuk membeli dokumen tawaran adalah pada **12 April 2025 jam 10.00pagi**

